

1,000 pelajar UMP hadir saksikan pertandingan debat

DEBAT. Seramai 1,000 mahasiswa **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** hadir menyaksikan Pertandingan Debat Naib Canselor Kali ke-10 yang berlangsung di Dewan Astaka universiti tersebut di Gambang, Pahang baru-baru ini.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Kelab Orator UMP dengan kerjasama Jabatan

Kosmo (Komuniti) 17/10/18 (Rabu) m/c: 50



**Komuniti
Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam **Komuniti Kita** kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Persatuan Pelajar Kejuruteraan Kimia (Chest) itu diadakan untuk mengasah bakat pelajar untuk berfikir secara kritis.

Wakil Chest selaku Pendebat Terbaik Akhir, Khairull Nasruddin berkata, ini merupakan penyertaan kali pertamanya di dalam debat itu dan menyifatkannya sebagai pengalaman baharu yang mengujakan.



KHAIRULL (duduk, tiga dari kiri) bergambar bersama pemenang lain selepas menyertai Pertandingan Debat Naib Canselor Kali ke-10 di UMP, Gambang baru-baru ini.